



DR. 2 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG**

**PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)**



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

- | | | |
|-----|--|---|
| 1. | YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] | - Pengerusi |
| 2. | YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] | - Naib Pengerusi |
| 3. | YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] | |
| 4. | YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] | |
| 5. | YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] | |
| 6. | YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam] | |
| 7. | YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] | |
| 8. | YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut] | |
| 9. | YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] | |
| 10. | YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] | |
| 11. | YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] | |
| 12. | YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] | |
| 13. | YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] | |
| 14. | YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] | |
| 15. | YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI
(JPM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)	1 - 4
2	TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) (DR.2/2022)	5 - 12

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
PERBELANJAAN
MENGGUNAKAN AGIHAN WANG
ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN
(MAIWP)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 22/2021)
BERHUBUNG**

**PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT MAJLIS
AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan mengenai Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 21 September 2021 iaitu dalam Prosiding Bilangan 7 Tahun 2021 dan 7(a) Tahun 2021.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 22/2021) BERHUBUNG
PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)**

- 1.2 Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 10 Disember 2020.
- 1.3 Pada 15 Disember 2021 Jawatankuasa ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan Rakyat.
- 1.4 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan empat (4) syor yang perlu diambil tindakan oleh JPM/MAIWP/SPRM.
- 1.5 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil JPM/MAIWP selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat :
 - i. Setiap penilaian berkaitan perbelanjaan dan pengagihan wang zakat oleh MAIWP perlu diurus mengikut peraturan syarak yang telah diberi panduan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. Pihak MAIWP perlu menjalin hubungan langsung dengan Jawatankuasa Mufti bagi setiap pengagihan untuk memastikan kepatuhan syariah mengikut keutamaan penerima Asnaf seperti yang termaktub.
 - ii. MAIWP harus sentiasa mengamalkan tadbir urus terbaik dan melaksanakan *due diligence* dalam setiap transaksi. Tindakan hendaklah diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab sejurus selepas pembentangan Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 22/2021) BERHUBUNG
PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)**

- iii. MAIWP perlu menyelesaikan penstrukturkan semula Pusat Zakat MAIWP Sdn. Bhd. (PWMSB) dengan kadar segera untuk memastikan PWMSB dapat melangsaikan hutang (jangka masa pendek) dan mampu berfungsi sebagai entiti yang mampan serta efisien (jangka masa panjang).
- iv. SPRM hendaklah mempercepatkan siasatan terhadap isu perolehan pakaian seragam dan baju sukan tadika MAIWP seperti yang dibangkitkan dalam LKAN dan Laporan PAC ini. MAIWP perlu memastikan proses perolehan pada masa depan adalah bebas daripada sebarang konflik kepentingan termasuk isu pertindihan pembuat keputusan.
- 1.6 Sehubungan dengan itu, MOF bersama-sama dengan JPM/MAIWP telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal JPM ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 22/2021 di hadapan PAC Parlimen pada 2 Mac 2022.

2. PENDAHULUAN

2.1 Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ialah sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2019.

2.2 Prosiding PAC yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	21 September 2021/ 10:30 pagi	Bil. 7 / 2021	i. YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara
2.	21 September 2021/ 11:30 pagi	Bil. 7(a) / 2021	i. YBhg. Dato' Haji Jamil bin Rakon, TKSUK JPM; ii. YBhg. Datuk Haji Akbar bin Haji Samon, CEO MAIWP; iii. YBhg. Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar [Pengerusi

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 22/2021) BERHUBUNG
PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)*

			iv. MAIWP]; iv. YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail [Setiausaha, MAIWP]; dan v. YBrs. Encik Mohd Nizam bin Yahya [Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP]
--	--	--	---

- 2.3 Laporan PAC Parlimen Berhubung Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Di Bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2021. Surat PAC bertarikh 4 Januari 2022 [rujukan PAR/PAC.3/25/15 jilid 2] telah mengemukakan rumusan dan syor-syor berhubung Laporan PAC Parlimen DR. 22/2021 dan berkehendakkan tindakan susulan dari JPM/MAIWP/SPRM.
- 2.4 MOF mengemukakan Laporan Interim Maklum balas Secara Bertulis kepada Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat melalui surat rujukan MOF.BKSK(R)600-7/1/5 (12) pada 25 Februari 2022. Manakala JPM melalui surat rujukan rujukan JPM.R.100-6/4/28 bertarikh 1 Mac 2022 telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor Laporan PAC Parlimen DR. 22/2021.

**TINDAKAN SUSULAN JABATAN
PERDANA MENTERI (JPM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN DR.2/2022**

3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1. Syor 1: Setiap penilaian berkaitan perbelanjaan dan pengagihan wang zakat oleh MAIWP perlu diurus mengikut peraturan syarak yang telah diberi panduan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. Pihak MAIWP perlu menjalin hubungan langsung dengan Jawatankuasa Mufti bagi setiap pengagihan untuk memastikan kepatuhan syariah mengikut keutamaan penerima Asnaf seperti yang termaktub.

Maklum Balas MAIWP

MAIWP mengambil maklum dan sentiasa memastikan setiap perbelanjaan dan pengagihan wang zakat oleh MAIWP mengikut peraturan syarak seperti berikut:

- 3.1.1 Menambah baik takrifan Asnaf Fisabilillah melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (JKPHS) Wilayah Persekutuan Ke - 128 pada 4 Mac 2021 bagi memastikan perbelanjaan agihan zakat kepada golongan asnaf tersebut menepati definisi sebenar.

- 3.1.2 Pentakrifan semula asnaf Fisabilillah adalah seperti berikut:

“Mana-mana golongan atau pihak yang terlibat dalam sesuatu aktiviti untuk menegakkan, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam.”

- 3.1.3 Selaras dengan keputusan tersebut, MAIWP melalui Jawatankuasa Baitulmal (JKB) MAIWP telah mengambil tindakan proaktif **dengan tidak mempertimbangkan** aktiviti/program yang melibatkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di Jabatan Agama Islam (JAWI) atau apa program yang seumpamanya selaras dengan syor Laporan Ketua Audit Negara.

- 3.1.4 Semua proses penyediaan bajet tahunan MAIWP akan melalui **proses tapisan** sebelum diangkat ke Mesyuarat JKPHS bagi meneliti perlantakan asnaf mengikut kepatuhan syariah.
- 3.1.5 Berdasarkan amalan sedia ada perbelanjaan agihan **melebihi RM25,000** akan diangkat untuk **kelulusan Mesyuarat JKB** yang berpandukan kepada Skim Bantuan Baitulmal dan Kaedah-kaedah Baitulmal. Sahibus Samahah Datuk Mufti WP merupakan salah seorang ahli Mesyuarat JKB.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum bahawa pentakrifan semula ‘asnaf fisabilillah’ adalah lebih menjurus kepada aktiviti dan program bagi menegak, mempertahan serta mendakwahkan agama islam. MAIWP hendaklah memastikan segala bentuk program dan aktiviti yang tidak berbentuk dakwah islamiah tidak akan menggunakan sumber zakat.

- 3.2. **Syor 2: MAIWP harus sentiasa mengamalkan tadbir urus terbaik dan melaksanakan *due diligence* dalam setiap transaksi. Tindakan hendaklah diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab sejurus selepas pembentangan Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman.**

Maklum Balas MAIWP

- 3.2.1 MAIWP sentiasa mengamalkan tadbir urus terbaik dan melaksanakan *due diligence* dalam setiap transaksi. Tindakan yang telah diambil dalam memastikan perkara ini adalah seperti berikut:

i. Pajakan Tanah Kerajaan

MAIWP telah membuat penambahbaikan Carta Aliran Kerja Permohonan Pajakan Tanah Kerajaan Untuk Cadangan Projek Pembangunan seperti berikut:

- a. Setiap permohonan pajakan tanah kerajaan untuk cadangan projek pembangunan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan sebelum diangkat ke Mesyuarat MAIWP.
- b. *Due diligence* atau kajian *Feasibility* akan dilaksanakan bagi mengenal pasti sekiranya terdapat halangan/kaveat bagi tanah yang ingin dipajak.

ii. Pengurusan Perolehan MAIWP

Tindakan telah dibuat sebagaimana syor SPRM yang akan dibentangkan bersekali dengan maklum balas syor PAC ke – 4.

3.2.2 Siasatan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) yang ditubuhkan di peringkat JPM **telah selesai** dijalankan dan laporan telah disediakan pada **9 Disember 2021 dan 27 Januari 2022**. Laporan JKSD dilaksanakan terhadap dua (2) isu yang dibangkitkan dalam LKAN 2019 iaitu:

- i. Isu projek pembangunan yang telah dibuat bayaran perkhidmatan perunding sejumlah RM4.72 juta pada tahun 2013 hingga 2017 menggunakan wang zakat telah ditangguhkan sehingga tahun 2020.
- ii. Isu pembelian inventori pakaian seragam dan pakaian sukan tadika MAIWP berjumlah RM2.39 juta pada tahun 2013 hingga 2015 melebihi keperluan.

- 3.2.3 Siasatan terhadap isu (i), JKSD berpandangan **tiada pegawai yang menyalahi peraturan dan tatacara** bagi projek pembangunan ini dan setiap pegawai telah menjalankan urusan mengikut tertib dan prosedur yang telah ditetapkan.
- 3.2.4 JKSD mendapati MAIWP telah melaksanakan proses pelantikan perunding menggunakan prosedur perolehan Kementerian Kewangan sebagai panduan. Pelantikan perunding dibuat pada 2 Julai 2012 setelah Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian Persekutuan (JKPTG) memberi kelulusan bagi pajakan sebahagian tanah milik Persekutuan untuk projek pembinaan Kompleks Dewan Serbaguna dan Kemudahan Asrama pada 1 November 2011. Bagaimanapun permohonan pendaftaran pajakan tanah telah ditolak oleh Pejabat Pengarah Tanah Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) pada 16 April 2013.
- 3.2.5 Kelewatan penamatan perkhidmatan perunding adalah kerana Mesyuarat MAIWP ke135 Bil. 1/2016 pada 29 Mac 2016 bersetuju untuk **menangguhkan cadangan pembangunan projek sehingga prosiding mahkamah dan rundingan antara Semantan Estate Sdn. Bhd. (SESB) dengan Kerajaan selesai**. Pembatalan cadangan pembangunan projek berkenaan telah dibuat pada 20 Disember 2020 melalui mesyuarat MAIWP kali ke-153 Bil. 4/2020. Susulan itu, penamatan perkhidmatan perunding telah dibuat pada 3 Jun 2021.
- 3.2.6 JKSD juga mendapati **pembayaran** yang telah dibuat kepada perunding adalah berdasarkan kepada **kemajuan kerja dan perkhidmatan sebenar** yang telah dilaksanakan dalam peringkat perancangan, reka bentuk, kelulusan dan penyediaan tender. Perkara ini mematuhi klausa dalam perjanjian. Pembayaran akhir kepada perunding dibuat pada 28 Februari 2017 berjumlah RM435,187.77 daripada keseluruhan RM4.72 juta adalah untuk kerja-kerja yang telah dilaksanakan pada tahun 2016.

- 3.2.7 Siasatan terhadap **isu (ii), JKSD mendapat berlaku ketidakpatuhan** dalam melaksanakan urusan perolehan dan JKSD mengesyorkan tindakan tatatertib ke atas pegawai dibawa ke Lembaga Tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 3.2.8 **JKSD pada 27 Januari 2022** mengesyorkan tindakan tatatertib **dibawa kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** berdasarkan penemuan pegawai terlibat merupakan Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi, Mesyuarat Penilaian Teknikal dan Ahli Mesyuarat Lembaga Perolehan Tender B di MAIWP.
- 3.2.9 Selain itu, JKSD juga mendapati pembekalan pakaian seragam adalah melebihi keperluan yang ditetapkan berdasarkan stok simpanan 2 tahun. Bilangan pelajar pada tahun 2014 adalah 6,406 orang. Pembelian sebenar yang dibuat adalah sebanyak 30,000 unit pakaian seragam dan 30,000 unit pakaian sukan. Pembekalan pakaian seragam dan sukan juga lewat dibuat namun tiada penguatkuasaan kontrak dikenakan kepada pembekal.
- 3.2.10 Status terkini tindakan tatatertib adalah di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam setelah laporan ini **dikemukakan pada 1 Mac 2022**.

Ulasan PAC

PAC tidak berpuas hati dengan maklum balas MAIWP berkaitan siasatan terhadap isu projek pembangunan yang telah dibuat bayaran perkhidmatan perunding sejumlah RM4.72 juta pada tahun 2013 hingga 2017 menggunakan wang zakat. PAC meminta supaya JKSD melaksanakan siasatan lanjut bagi melihat faktor kecuaian yang wujud dalam isu ini khasnya kewujudan kaveat pendaftar dan kaveat persendirian di atas tanah yang terbabit.

- 3.3 **Syor 3: MAIWP perlu menyelesaikan penstrukturkan semula Pusat Zakat MAIWP Sdn. Bhd. (PWMSB) dengan kadar segera untuk memastikan PWMSB dapat melangsaikan hutang (jangka masa pendek) dan mampu berfungsi sebagai entiti yang mampan serta efisien (jangka masa panjang).**

Maklum Balas MAIWP

- 3.3.1 Mesyuarat Khas MAIWP Bil. 6/2021 pada 23 November 2021 telah memutuskan supaya **kajian entiti wakaf yang terbaik** dapat dilaksanakan bagi pengurusan wakaf di Wilayah Persekutuan.
- 3.3.2 **Kajian ini sedang dijalankan secara dalaman** bertujuan melihat keupayaan Pusat Wakaf MAIWP Sdn Bhd (PWMSB) sebagai sebuah entiti sama ada ditubuhkan sebagai CLBG atau gabungan fungsi di PPZ-MAIWP bagi menguruskan wakaf di Wilayah Persekutuan. Kajian ini juga akan melibatkan penyelesaian terhadap tunggakan pinjaman oleh PWMSB.
- 3.3.3 Hasil kajian ini akan dibentangkan di **Mesyuarat MAIWP yang dijadualkan pada 19 Mac 2022.**

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil oleh MAIWP.

- 3.4 **Syor 4: SPRM hendaklah mempercepatkan siasatan terhadap isu perolehan pakaian seragam dan baju sukan tadika MAIWP seperti yang dibangkitkan dalam LKAN dan Laporan PAC ini. MAIWP perlu memastikan proses perolehan pada masa depan adalah bebas daripada sebarang konflik kepentingan termasuk isu pertindihan pembuat keputusan.**

Maklum Balas MAIWP

- 3.4.1 Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM telah membuat pemeriksaan terhadap Amalan, Sistem Dan Tatacara Perolehan Dan Pelupusan Stok Pakaian Seragam Serta Pakaian Sukan Tadika MAIWP berdasarkan surat SPRM bertarikh **6 Disember 2021**. (rujukan **SPRM.BPMP 600-3/1/3 Jilid 3 (10)**).

Hasil pemeriksaan, SPRM mengesyorkan penambahbaikan seperti berikut:-

- i. **Mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kewangan (MPK) MAIWP; dan**
 - ii. **Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) selaras inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023.**
- 3.4.2 MAIWP dengan mengambil kira syor SPRM dan dalam usaha meningkatkan tahap tadbir urus serta melaksanakan *due diligence* dalam setiap transaksi telah mengambil tindakan seperti berikut:
- i. Memperkemaskan prosedur perolehan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Manual Prosedur Kewangan (MPK) MAIWP;
 - ii. Mengguna pakai pekeliling perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk Badan Berkanun Persekutuan;
 - iii. Pembekalan pakaian seragam, pakaian sukan dan apa-apa bekalan yang melibatkan pembayaran oleh ibubapa pelajar adalah diuruskan sepenuhnya oleh Koperasi Guru-Guru Tadika Islam (KOGTIM) mulai tahun 2022; dan

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 22/2021) BERHUBUNG
PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)*

- iv. MAIWP telah memulakan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP), pada September 2021.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil oleh pihak MAIWP.

PAC juga mengambil maklum bahawa terdapat dua (2) Bahagian di bawah SPRM yang melaksanakan pemeriksaan dan siasatan terhadap isu perolehan pakaian seragam dan baju sukan tadika MAIWP iaitu (i) Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, dan (ii) Bahagian Siasatan.

Bagi Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM telah selesai menjalankan pemeriksaan dan menyerahkan surat nasihat kepada MAIWP untuk tindakan ataupun syor penambahbaikan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3.4.3 di atas. Manakala bagi Bahagian Siasatan SPRM, kes ini masih lagi dalam proses siasatan.

SPRM perlu menyegerakan siasatan dan memaklumkan hasil siasatan tersebut kepada PAC.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh JPM/MAIWP/SPRM selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

LAPORAN PROSIDING

❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Rabu, 2 Mac 2022**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 2 Mac 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:
**PERBELANJAAN MENGGUNAKAN AGIHAN WANG
ZAKAT**

Kementerian Kewangan
Puan Anis Rizana binti Mohd Zainudin
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Pelaburan)

Jabatan Perdana Menteri
Datuk Seri Jamil bin Rakon
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Setiausaha

PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK JAWATANKUASA 1,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 2 MAC 2022**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]	
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]	
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]	
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]	
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]	

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]	
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]	
YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]	
YB. Dato Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]	
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin	- <i>Setiausaha</i>

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
 Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
 Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan), Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]
 Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan), Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan]

Kementerian Kewangan

Encik Mohd Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]
 Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]
 Encik Azizie bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kawalan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Kewangan (samb/-)**

Encik Nurul Allbir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan Unit Kawalan dan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]

Jabatan Audit Negara

Tuan Abdul Rahman bin Abdul Hadi [Juruaudit (Bahagian Audit Kewangan I), Sektor Audit Kewangan]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Zulhairy bin Zaidel [Pegawai Siasatan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Kewangan**

Puan Anis Rizana binti Mohd Zainudin [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]

Jabatan Perdana Menteri

Datuk Seri Jamil bin Rakon [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan]

Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam]

Encik Haffiz bin Hashim [Timbalan Setiausaha Bahagian II, Bahagian Audit Dalam]

Encik Mohd Ashraf Hamdi bin Saad [Pegawai Khas Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Kanan]

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail [Setiausaha]

Encik Mohd Nizam bin Yahya [Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Ahmad Talmizi bin Yahaya [Pengurus Bahagian Baitulmal]

Puan Noor Fadzilah binti Shafie [Pengurus Bahagian Kewangan]

Encik Ahmad Yahya bin Mohd Haniff [Timbalan Pengurus Unit Audit Dalam]

Puan Zaitun binti Hussin [Pegawai Tadbir Unit Integriti]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

Rabu, 2 Mac 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.02 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Salam sejahtera, selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, ahli-ahli ex-officio yang terdiri dari Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, SPRM dan Unit Perancang Ekonomi (EPU). Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Ahli-ahli sekalian, pagi ini kita akan sambung mesyuarat pembentangan tindakan susulan terhadap syor PAC berhubung Laporan Pengagihan Wang Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dilaporkan dalam LKAN Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019.

PAC mengadakan prosiding ini pada 21 September dengan memanggil Yang Berbahagia Datuk Nik Azman Abdul Majid, Ketua Audit Negara; Yang Berbahagia Datuk Seri Jamil bin Rakon, TKSU Kanan JPM; Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd. Daud bin Bakar; dan Yang Berbahagia Datuk Mohd Ajib bin Ismail, Setiausaha MAIWP merangkap Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Laporan mengenai isu ini telah dibentangkan pada 15 Disember 2021.

Kita telah pun memberikan empat syor kepada kerajaan supaya tindakan diambil. Tiga syor adalah khusus untuk JPM dan MAIWP bagi diambil tindakan, manakala syor keempat adalah bagi SPRM ya untuk memberikan maklum balas. Maka nanti saya juga memohon supaya ex-officio PAC daripada SPRM dapat memberikan maklum balas kepada kami.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah Yang Berusaha Puan Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) MoF yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Seri KSP. Terima kasih kerana hadir ke mesyuarat pada pagi ini. Kedua, Yang Berbahagia Datuk Seri Jamil bin Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha

Kanan JPM. Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Setiausaha MAIWP yang juga Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan juga barisan pegawai-pegawai kanan JPM serta MAIWP. Selamat datang ke PAC. Juga kami ucapkan terima kasih kepada pihak MoF yang telah menjadi penyelaras untuk Pegawai Pengawal JPM dan MAIWP di bawah punca kuasa Arahan Perbendaharaan 304(b).

Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput Yang Berusaha Puan TKSP untuk memulakan pembentangan berkenaan dengan tindakan susulan bagi laporan PAC ini. Dipersilakan, Puan.

Puan Anis Rizana binti Mohd Zainudin [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berusaha Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha PAC Parlimen; Yang Berbahagia Datuk Seri Jamil bin Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); Encik Mohd Nizam bin Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen.

Dimaklumkan bahawa perbelanjaan menggunakan agihan wang zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 iaitu Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019.

Susulan daripada itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen dalam prosiding PAC Parlimen Bilangan 7(a)/2021 pada 21 September 2021.

Setelah selesai sesi prosiding, PAC Parlimen telah mengemukakan empat syor dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh Pegawai Pengawal JPM selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b) iaitu:

"Setelah PAC mengeluarkan laporannya, ia berkehendakkan tindakan susulan diambil ke atas tiap-tiap syor yang dikemukakan. Tindakan susulan terhadap syor-syor PAC oleh Pegawai Pengawal kemudiannya perlu dilaporkan kepada Kementerian Kewangan (MoF).

MoF seterusnya akan mengemukakan kepada PAC satu laporan muktamad tindakan susulan Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC.”

Untuk makluman Ahli-ahli PAC Parlimen, MoF telah mengemukakan laporan muktamad tindakan susulan Pegawai Pengawal JPM ke atas syor-syor PAC bagi prosiding DR.22/2021 – Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kepada Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada 25 Februari 2022.

Sehubungan dengan itu, pada hari ini, MoF bersama-sama JPM dan MAIWP akan menyampaikan taklimat ringkas kepada Ahli-ahli PAC Parlimen berhubung tindakan susulan yang diambil mengenai perkara ini.

Dengan segala hormatnya, izinkan saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Seri Jamil bin Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri untuk menyampaikan taklimat seterusnya. Dipersilakan.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Datuk Seri.

Datuk Seri Jamil bin Rakon [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia datuk-datin yang saya hormati sekalian. Terima kasih Yang Berusaha Puan Anis Rizana Mohd Zainudin, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan).

Seperti mana yang telah dimaklumkan tadi, bersama-sama saya adalah Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Setiausaha MAIWP dan juga Encik Mohd Nizam bin Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.

■1110

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC kerana telah memberi peluang kepada kami untuk membentangkan semula laporan tindakan susulan terhadap syor-syor Laporan PAC susulan pembentangan yang telah kita laksanakan pada 21 September 2021 yang lepas.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) JPM telah membentangkan maklum balas berkenaan laporan tindakan susulan Pegawai Pengawal JPM terhadap syor-syor Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi prosiding perbelanjaan menggunakan agihan wang zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pihak MAIWP telah memberikan perhatian yang serius kepada isu-isu ketidakpatuhan atau yang tidak berasaskan amalan terbaik yang telah dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019.

Pada pagi ini, empat maklum balas syor PAC akan dibentangkan untuk perhatian, pertimbangan dan ulasan, komen serta tindakan sewajarnya daripada pihak PAC.

Ringkasnya, empat syor yang diberikan adalah yang pertama, mengenai ketelitian pentakrifan kategori asnaf *fisabilillah* atau *in the cause of Allah*. Syor kedua, berkenaan tindakan Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat JPM bagi kes pembayaran fi perundingan projek pembangunan harta tanah di atas sekeping tanah berhampiran Masjid Wilayah Persekutuan dan juga pembelian pakaian seragam dan pakaian sukan Tadika Islam MAIWP yang tidak mengikut saiz dan terpaksa dilupuskan. Syor yang ketiga adalah berkenaan isu pendanaan Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. yang menggunakan wang zakat dan tunggakan hutang. Syor keempat adalah berkaitan dengan tindakan susulan daripada pihak SPRM bagi kes penggunaan wang zakat untuk pembelian pakaian seragam dan pakaian sukan Tadika Islam MAIWP yang tidak mengikut saiz dan terpaksa dilupuskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pagi ini kita baru mendapat maklumat terkini daripada Jabatan Ketua Audit Negara. Tiga isu utama yang dibangkitkan telah pun dikategorikan sebagai ‘selesai’ dalam *dashboard* Jabatan Ketua Audit Negara sebagai hijau. Bermaksud sejak September lepas, kita telah berusaha sedaya upaya untuk memberikan jawapan yang terbaik kepada pihak Jabatan Ketua Audit Negara dan telah dikategorikan sebagai hijau. Jadi, pada pandangan kami, dari segi Jabatan Ketua Audit Negara telah pun selesai isu tersebutlah.

Bagaimanapun, bagi maklumat terperinci keempat-empat syor PAC yang telah dibangkitkan pada sesi yang lepas, saya mohon izin daripada Tuan Pengerusi untuk meminta Yang Berusaha Encik Mohd Nizam bin Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP untuk membentangkan secara *detailed* keempat-empat isu tersebut.

Tuan Pengerusi: Boleh. Dipersilakan.

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Sila.

Encik Mohd Nizam bin Yahya [Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Seri Jamil bin Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan.

Perbelanjaan menggunakan agihan wang zakat MAIWP merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019. Selaras dengan Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat

serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen memutuskan untuk membawa isu ini ke prosiding PAC Bil. 7/2021 pada 21 September 2021.

Laporan PAC Parlimen Berhubung Perbelanjaan Menggunakan Wang Agihan Zakat MAIWP telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Disember 2021. Surat PAC Parlimen rujukan PAR/PAC. 3/25/15/3(17) yang bertarikh 4 Januari 2022 telah mengemukakan syor-syornya berhubung prosiding DR22/2021 kepada Pegawai Pengawal MAIWP dan berkehendakkan tindakan susulan diambil selaras dengan Perkara 304(b) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

Seterusnya, izinkan saya membentangkan maklum balas terhadap syor-syor yang telah dikemukakan. Bagi syor yang pertama, setiap penilaian berkaitan perbelanjaan dan pengagihan wang zakat oleh MAIWP perlu diurus mengikut peraturan syarak yang telah diberi panduan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. Pihak MAIWP perlu menjalankan hubungan langsung dengan Jawatankuasa Mufti bagi setiap pengagihan untuk memastikan kepatuhan syariah mengikut keutamaan penerima asnaf seperti yang termaktub.

MAIWP mengambil maklum dan sentiasa memastikan setiap perbelanjaan dan pengagihan wang zakat oleh MAIWP mengikut peraturan syarak seperti berikut. Menambah baik takrifan ‘asnaf *fisabilillah*’ melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Ke-128 yang bersidang pada 4 Mac 2021 bagi memastikan perbelanjaan agihan zakat kepada golongan asnaf tersebut menepati definisi sebenar.

Pentakrifan semula ‘asnaf *fisabilillah*’ seperti berikut iaitu:

“Mana-mana golongan atau pihak yang terlibat dalam sesuatu aktiviti untuk menegakkan, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam”.

MAIWP melalui kuasa meluluskan Jawatankuasa Baitulmal (JKB) MAIWP telah mengambil tindakan proaktif dengan tidak lagi mempertimbangkan semua aktiviti atau program-program yang melibatkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam (JAWI) atau apa-apa program yang seumpamanya, selaras dengan syor Laporan Ketua Audit Negara.

Semua proses penyediaan bajet tahunan MAIWP akan melalui proses pembentangan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan Bajet Tahunan MAIWP sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak bagi meneliti peletakan asnaf mengikut kepatuhan syariah.

Berdasarkan amalan sedia ada, perbelanjaan agihan melebihi RM25,000 akan diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal yang berpandukan kepada Skim Bantuan Baitulmal dan Kaedah-kaedah Baitulmal.

Sahibus Samahah Mufti juga merupakan salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Baitulmal. Keahlian yang lain adalah seperti berikut iaitu:

- (i) Yang Berbahagia Tan Sri Dr Mohd Daud bin Bakar (Pengerusi MAIWP);
- (ii) Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail (Pengarah JAWI);
- (iii) Yang Berbahagia Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim (Kementerian Kewangan Malaysia);
- (iv) Yang Berbahagia Profesor Dr. Amir bin Shaharuddin (Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia); dan
- (v) Yang Berbahagia Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim.

Bagi syor yang...

Tuan Pengerusi: Ya. Saya ada sedikit pencerahan yang perlu daripada saksi, ya. Dua soalan. Nombor satu, bolehkah saksi memaklumkan kepada PAC, apakah — kita nampak ada satu pentakrifan semula ‘asnaf *fisabilillah*’ yang mana pada dahulunya takrifannya adalah tidak begitu tepat. Kita dimaklumkan dan juga telah rumuskan dalam laporan kita. So, bagaimanakah pentakrifan semula ini? Apakah perbezaannya? Bolehkah berikan sedikit pencerahan kepada pihak PAC? Itu satu.

Nombor dua, kita mengambil maklum bahawa program-program seperti Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini tidak akan lagi dipertimbangkan yang mana pada sebelum ini ada program yang dianjurkan dengan menggunakan wang zakat di bawah tafsiran tertentu. Sememangnya kita tahu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini disebut dalam LKAN. Bagaimana dengan majlis-majlis lain yang mungkin — sama ada keadaan yang sama? Bagaimanakah kita boleh mengelakkan keadaan yang sama akan berlaku? *This is specific.* Ini adalah spesifik Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. So, kita tahu selalunya ada banyak majlis-majlis yang lain. So, bagaimanakah pihak MAIWP boleh memastikan bahawa apa yang berlaku sebelum ini tidak berlaku?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk makluman, beza antara takrifan definisi yang ada pada hari ini, yang baru dan yang sebelum ini, kita lebih membuka ruang kepada untuk perkembangan Islam itu sendiri berbanding kerja-kerja sosial sebelum ini.

■1120

Kalau sebelum ini, definisi ‘*fisabilillah*’ itu lebih meluas. Terlalu meluas sehingga boleh digunakan untuk apa-apa juga program dan apa-apa juga aktiviti termasuk juga program-program pembangunan. Akan tetapi, dengan definisi yang baru ini, kita lebih kepada sesuatu aktiviti. Ia tidak lagi termasuk dalam hal-hal

pembangunan, kerja-kerja pembangunan ataupun bajet yang diuruskan untuk membangunkan sesuatu bangunan. Ia lebih kepada aktiviti dan program bagi menegak dan mempertahankan serta mendakwahkan tentang Islam itu sendiri. Berbanding dengan yang dahulu, ia lebih luas. Bahkan, kita boleh guna apa sahaja untuk kepentingan. Akan tetapi, yang ini kita ikatkan sedikit supaya dalam aktiviti untuk Islam itu sahaja.

Berkaitan dengan soalan yang kedua Tuan Pengerusi, untuk APC. Ia mencakupi juga segala program yang tidak berbentuk dakwah Islamiah seperti mana makan malam, seperti mana untuk makan tengah hari dan sebagainya. Itu kita tidak lagi menggunakan duit zakat. Begitu juga teguran daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, aktiviti-aktiviti sukan juga tidak akan dibenarkan selepas ini menggunakan daripada sumber zakat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Okey, sila Yang Berhormat Parit.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya, berapa lama tempoh proses dalam bentuk tapisan setelah permohonan-permohonan itu diperoleh sebelum diangkat di peringkat JKPHS untuk kelulusan? Kekerapan mesyuarat itu berapa kali? Sebab, ada kalanya untuk menunggu mesyuarat tertentu itu mungkin agak lama dan sebagainya, tetapi bantuan-bantuan itu perlu disalurkan. Silakan.

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Yang Berhormat, mungkin perkara ini dapat *details* daripada pihak terbabit. Akan tetapi, saya bagi pandangan dari segi jawapan umumnya. Setiap permohonan yang diterima diproses mengikut peraturan yang sedia ada. Dalam masa yang sama, pihak yang telah ditubuhkan majlis yang baru ini yang dipengerusikan oleh Pengurus MAIWP sendiri akan bersidang ikut keperluan semasa, tidak kira keperluan — tidak berjaduallah. Maksud saya bukan sebulan sekali atau dua bulan sekali. Mengikut keperluan. Jadi, mungkin Encik Nizam ataupun Datuk Mohd Ajib hendak tambah.

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Terima kasih, Datuk Seri. Menjawab kepada persoalan yang dikemukakan tadi, ia lebih kepada permohonan bantuan yang dipohon oleh golongan asnaf. Kalau kita tengok pada proses yang biasa dalam tempoh lima hari sesuatu permohonan itu dibuat, kita telah pun ada satu keputusan. Maksudnya kalau macam memohon bantuan kewangan bulanan, dalam tempoh lima hari, proses akan siap dan kemudian kita akan terus bayar ke akaun penerima.

Bagi permohonan-permohonan yang memerlukan satu jumlah yang besar, kita akan bawa ke Jawatankuasa Baitulmal dan Jawatankuasa Baitulmal ini memang telah diberikan kuasa oleh Mesyuarat Induk MAIWP bagi kerja-kerja ataupun urusan-urusan bantuan. Setiap bulan sebenarnya Jawatankuasa Baitulmal ini bersidang supaya kita dapat menyalurkan bantuan dengan segera kepada para pemohon.

Bagi bantuan perubatan, walaupun satu jumlah yang agak besar, tetapi diberi satu kuasa kepada Yang Berbahagia Pengerusi MAIWP untuk boleh terus luluskan. Seperti contoh, macam bantuan dialisis ataupun bantuan pembedahan yang memang perlu kepada *sense of urgency*, yang ini tanpa memerlukan masuk dalam mesyuarat *board*, kita boleh terus luluskan setelah siasatan ringkas dibuat keperluan kepada bantuan tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey, saksi boleh sambung ya.

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Bagi syor yang kedua, MAIWP harus sentiasa mengamalkan tadbir urus terbaik dan melaksanakan *due diligence* dalam setiap transaksi. Tindakan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab sejurus selepas pembentangan Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman.

MAIWP sentiasa mengamalkan tadbir urus terbaik dan melaksanakan *due diligence* dalam setiap transaksi. Tindakan yang telah diambil dalam memastikan perkara ini adalah seperti berikut—

Pertama, MAIWP telah membuat penambahbaikan carta aliran kerja permohonan pajakan tanah kerajaan untuk cadangan projek pembangunan di mana setiap permohonan pajakan tanah kerajaan untuk cadangan projek pembangunan akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah sebelum diangkat ke mesyuarat MAIWP. Pelaksanaan *due diligence* ataupun kajian *feasibility* bagi mengenal pasti sekiranya terdapat halangan atau kaveat bagi tanah yang ingin dipajak.

Kedua, pengurusan perolehan MAIWP. Tindakan telah dibuat sebagaimana syor SPRM yang akan dibentangkan bersekali dengan maklum balas syor PAC yang keempat. Siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) yang ditubuhkan di peringkat JPM telah selesai dijalankan terhadap dua isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 iaitu; pertama, isu projek pembangunan yang telah dibuat bayaran perkhidmatan perunding sejumlah RM4.72 juta pada tahun 2013 sehingga 2017 menggunakan wang zakat telah ditangguhkan sehingga tahun 2020. Laporan telah disediakan pada 9 Disember 2021. Kedua, isu pembelian inventori pakaian seragam dan pakaian sukan tadika MAIWP berjumlah RM2.39 juta pada tahun 2013 hingga 2015 melebihi keperluan. Laporan juga telah disediakan pada 27 Januari 2022.

Siasatan terhadap isu projek pembangunan. Jawatankuasa Siasatan Dalaman berpandangan tiada pegawai yang menyalahi peraturan dan tatacara. Setiap pegawai telah menjalankan urusan mengikut tertib dan prosedur yang telah ditetapkan.

Jawatankuasa Siasatan Dalaman juga mendapati MAIWP telah melaksanakan proses pelantikan perunding menggunakan prosedur perolehan

Kementerian Kewangan sebagai panduan. Pelantikan perunding dibuat pada 2 Julai 2012 setelah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) memberi kelulusan bagi pajakan sebahagian tanah milik Persekutuan untuk projek pembinaan kompleks dewan serba guna dan kemudahan asrama pada 1 November 2011. Bagaimanapun, permohonan pendaftaran pajakan tanah telah ditolak oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 16 April 2013.

Kelewatan penamatan perkhidmatan perunding adalah kerana Mesyuarat MAIWP ke-135 yang bersidang pada 29 Mac 2016 bersetuju untuk menangguhkan cadangan pembangunan projek dan bukan bersetuju untuk pembatalan. Pembatalan cadangan pembangunan projek berkenaan hanya dibuat pada 20 Disember 2020 melalui Mesyuarat MAIWP kali ke-153 Bil. 4/2020. Susulan itu, penamatan perkhidmatan perunding telah dibuat pada 3 Jun 2021.

Jawatankuasa Siasatan Dalaman juga mendapati pembayaran yang telah dibuat kepada perunding adalah berdasarkan kepada kemajuan kerja dan perkhidmatan sebenar yang telah dilaksanakan dalam peringkat perancangan, reka bentuk, kelulusan dan penyediaan tender. Perkara ini mematuhi klausa dalam perjanjian. Pembayaran akhir kepada perunding dibuat pada 28 Februari 2017 berjumlah RM435,187.77 daripada keseluruhan RM4.72 juta adalah untuk kerja-kerja yang telah dilaksanakan pada tahun 2016.

Siasatan terhadap isu pembelian inventori pakaian seragam dan pakaian sukan tadika MAIWP pula; Jawatankuasa Siasatan Dalaman mendapati berlaku ketidakpatuhan dalam melaksanakan urusan perolehan dan mengesyorkan tindakan tatatertib ke atas pegawai dibawa ke Lembaga Tatatertib mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Jawatankuasa Siasatan Dalaman pada 27 Januari 2022 mengesyorkan tindakan tatatertib dibawa kepada Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan penemuan pegawai terlibat merupakan Pengurus Jawatankuasa Spesifikasi, Mesyuarat Penilaian Teknikal dan Ahli Mesyuarat Lembaga Perolehan Tender B di MAIWP.

■1130

Selain itu, Jawatankuasa Siasatan Dalaman juga mendapati pembekalan pakaian seragam adalah melebihi keperluan yang ditetapkan berdasarkan stok simpanan dua tahun. Bilangan pelajar pada tahun 2014 adalah seramai 6,406 orang. Pembelian sebenar yang dibuat adalah sebanyak 30,000 unit pakaian seragam dan 30,000 unit pakaian sukan. Pembekalan pakaian seragam dan sukan ini juga lewat dibuat, namun tiada penguatkuasaan kontrak dikenakan kepada pembekal.

Status terkini tindakan tatatertib adalah di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam setelah laporan ini dikemukakan pada 1 Mac 2022.

Tuan Pengerusi: Okey, saya ada beberapa isu di sini. Kita pergi ke isu yang lebih *simple*. Isu kedua, yang mana kita sekarang dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah mengesyorkan tindakan tatatertib dibawa kepada JPA. Boleh tidak saya tanya, *what is next on JPA?* Apakah prosedurnya apabila ada suatu syor daripada JKSD? Apakah tindakan selanjutnya yang akan dilaksanakan oleh JPA? Selepas itu, apakah *timeline*-nya? Dalam isu ini, sama ada ia melibatkan seorang pegawai yang memakai banyak topi itukah atau melibatkan beberapa?

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk isu ini, ia telah pun kita kemukakan kepada JPA. Sebab, mengikut gred yang sedia ada, sekiranya mereka ialah Gred 48 dan ke atas, tindakan tatatertib itu hanya boleh diambil oleh JPA. Jadi, tindakan selanjutnya kita serahkan kepada pihak JPA yang biasanya akan mengambil masa mengikut keperluan mereka. Saya tidak pasti sama ada satu ke dua bulan.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput wakil JPA.

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Okey, wakil JPA ada di sini?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya Noor Aini daripada JPA. Kami belum menerima laporan itu. Pada 21 Februari hari itu, kita ada *call* pihak JPM dan dimaklumkan sedang ada sedikit pindaan. Akan tetapi, kami belum menerima lagi, Yang Berhormat.

Cuma, kalau kita sudah terima laporan JKSD ini, kita akan mengambil tindakan seperti yang diberitahu oleh TKSUK tadi, bahawa tindakan tatatertib akan diambil. Akan tetapi, kita perlukan juga — mungkin tidak cukup *detailed*. Jadi, kita mungkin akan buat siasatan lebih sedikit ke atas pegawai atau salah laku pegawai untuk mengeluarkan surat pertuduhan.

Selalunya kalau surat pertuduhan boleh keluar itu, kalau benda itu *detailed out*. Maksudnya, kesalahannya apa, barulah kita boleh keluarkan dengan segera surat pertuduhan. Akan tetapi, kalau dikatakan laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman itu tidak begitu teliti, tidak begitu *detailed*, kita juga perlu mengambil masa. Mungkin dua tiga minggu juga kadang-kadang untuk mengeluarkan surat pertuduhan.

Tuan Pengerusi: Untuk keseluruhan proses, kebiasaannya ambil masa berapa lama di peringkat JPA?

Puan Noor Aini binti Ahmad: Di peringkat JPA, kalau untuk menyediakan surat pertuduhan, sekejap sahaja. Cuma, yang lamanya apabila hendak menentukan Mesyuarat Lembaga Tatatertib itu, yang dipengerusikan oleh KSN itu. Itu lama. Mungkin dua tiga bulan juga. Kadang-kadang empat bulan pun belum ada Mesyuarat Lembaga Tatatertib lagi.

Tuan Pengerusi: Okey. So, itu berkenaan dengan isu kedua. Isu pertama. Ini berkenaan dengan projek pembangunan yang mana pada sebelum ini dalam prosiding kita, kita pun mendapati ada isu berkenaan dengan kaveat pendaftar dan juga kaveat persendirian. Di sini, Jawatankuasa Siasatan Dalaman menyatakan bahawa ia telah selesai dan tiada pegawai yang menyalahi peraturan dan tatacara. Bagi saya, mungkin dari segi tatacara dan juga prosedurnya, memang kita ikut *A to Z* apa yang diperuntukkan. Akan tetapi, apa yang jelas di sini adalah tanah ini ia terikat dengan dua kaveat. Satu kaveat pendaftar dan juga satu lagi kaveat persendirian.

Semasa prosiding, saya ingat pihak PAC pun ada bincangkan berkenaan unsur kecuaian daripada pegawai-pegawai yang terlibat. Ini kerana katakanlah seorang peguam yang melaksanakan satu transaksi pembelian dan penjualan tanah, sekiranya dia ada satu kaveat pendaftar ataupun kaveat persendirian, maka kita tahulah *deal* itu tidak boleh dilaksanakan. Akan tetapi dalam kes ini, dengan jelas dua-dua ada; kaveat pendaftar dengan kaveat persendirian. Namun, pihak pegawai yang terlibat telah pun meneruskan dengan projek pembangunan tersebut.

Dari segi itu, saya hendak tanya, sama ada Jawatankuasa Siasatan Dalaman ada menyiasat isu ini dari segi unsur kecuaian? *Of course*, jika kata tatacara dan prosedur bagaimana saya lantik lantikan itu dengan sebut harga ataupun lantikan terus, pembayaran mengikut jadual atau tidak, *of course*, apa yang didapat oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman memang semua dipatuhi. Isu sekarang, isu kecuaian.

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Tuan Pengerusi, dari segi skop ataupun bidang tugas yang dilaksanakan oleh pihak Jawatankuasa Siasatan Dalaman, ia menilai dari segi proses dan sebagainya. Cuma, dari segi kecuaian itu, mungkin saya tidak pasti inti pati keseluruhan dalam siasatan tersebut. Cuma, apa yang telah saya lihat daripada laporan yang telah diberikan, semakan telah dibuat mengikut fakta-fakta yang sedia ada di mana peraturan yang awal itu sudah dipatuhi. Malah pada peringkat awal, kebenaran bertulis telah pun diperoleh daripada Jabatan Tanah dan Galian.

Oleh itu, MAIWP meneruskan tindakan tersebut di peringkat awal. Apabila hendak diputuskan kemudian selepas hendak menganugerahkan kontrak tersebut, barulah isu kaveat itu ditimbulkan. Kami dapat tahu lebih lewat daripada sepatutnya.

Maksud saya, maklumat awal daripada JKPTG — memang kita semua *clear*, tidak berlaku kesilapan daripada segi kecuaian pegawai, pada saya. Selepas itu, baru kita tahu dan MAIWP pun telah mengambil tindakan untuk tangguhkan dahulu buat sementara. Mungkin Tuan Nizam boleh tambah?

Tuan Pengerusi: Ya, sebelum Tuan Nizam tambah — cuma saya hendak menyatakan sedikit fakta di sini. Menurut rumusan kita pada perkara 6.3, kita kata terdapat unsur kecuaian oleh MAIWP di mana pelantikan perunding dibuat pada tahun 2012. *That was in 2012.* Kewujudan kaveat pendaftar adalah pada tahun 2008. Kaveat persendirian pada tahun 2013. Kita sememangnya tidak boleh kata pada tahun 2012 apabila pelantikan perunding dibuat, tanah itu *clear*. Itu tidak betul, bagi saya, kerana jelas tanah itu tahun 2008 telah wujud satu kaveat pendaftar. Itu siapa-siapa pun boleh *check*. Buat satu carian tanah, sudah boleh dapat nampak sama ada kaveat atau tidak ada kaveat. Itu sebab kenapa pihak PAC telah merumuskan ada kecuaian.

Persoalan saya di sini — mungkin nanti Tuan Nizam boleh perjelaskan. Jawatankuasa Siasatan Dalaman kata prosedur tatacara semua dipatuhi. Okey. Itu dari segi prosedur dan tatacara. Mungkin tidak melibatkan unsur jenayah. Masalah di hadapan kita adalah unsur kecuaian. Sila, Tuan Nizam.

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang telah dimaklumkan tadi, memang kaveat itu pada tahun 2008. Kita punya projek pada tahun 2011. Kita telah dapat kelulusan daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) pada 2 Julai 2012 yang meluluskan permohonan MAIWP untuk membuat projek pembinaan kompleks dewan serba guna dan kemudahan asrama. Ini kita buat permohonan pada tahun 2011. Memang kita akui pada peringkat awal, kita tidak perasan tentang kaveat pada tahun 2008 itu telah ada. Akan tetapi, setelah kita mohon kelulusan daripada JKPTG, dan mereka memang meluluskan untuk kita bina projek tersebut. Bermula dari situ, kita mula kerja-kerja awal kita, interim untuk projek tersebut.

Cuma, apabila tahun 2013 kita mohon untuk mendaftarkan tanah tersebut, baru Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan — bukan KPTG, tetapi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan memaklumkan bahawa tanah tersebut ada kaveat. Apabila kita dimaklumkan begitu, baru kita bawa kepada Mesyuarat MAIWP untuk menangguhkan projek tersebut.

■1140

Jadi, kelulusan itu memang kita dah dapat daripada KPTG untuk kita laksanakan projek tersebut walaupun pada ketika itu memang kita tidak sedari dan kita tidak dimaklumkan pun oleh KPTG bahawa tanah tersebut kaveat. Cuma pada tahun 2013, apabila kita mohon untuk mendaftarkan tanah tersebut, baru kita

dimaklumkan bahawa tanah tersebut ada kaveat. Selepas dimaklumkan, kita terus mengambil tindakan perlu dengan kita membawa ke mesyuarat MAIWP, mesyuarat Majlis untuk dapatkan kelulusan bagi kita menangguhkan dahulu projek tersebut sehingga kajian kes ini dapat kita selesaikan.

Akhirnya, pada tahun 2021, kita buat keputusan untuk kita batalkan projek tersebut apabila memang kita telah siasat dan sebagainya, kita dapat memang tanah tersebut kaveat dan memang ada unsur-unsur yang perlu kita membatalkan projek tersebut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Saya mohon penjelasan ya.

Go ahead yang pertama itu diberikan oleh JKPTG ya?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Betul, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Soalan saya, adakah kelulusan itu memang sepatutnya datang daripada JKPTG atau ada pihak-pihak lain? Ataupun kita tidak *privy* pada surat kelulusan daripada JKPTG itu? *Unless* dah bentang dalam mesyuarat ini ya? Tidak ada ya, Tuan Pengerusi? *That letter from JKPTG memberi go ahead kepada — kita tidak ada bentang di sini, bukan?*

Tuan Pengerusi: Saya ingat tidak ada.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Okey. Jadi, saya musykil sekiranya ada dalam kebenaran JKPTG itu beberapa kaveat juga. Maksudnya, bergantung pada apa-apa sekatan yang sedia ada yang sepatutnya pihak MAIWP melihat secara teliti ya. Ertinya, kelulusan JKPTG itu adalah keputusan umum, even lewat, tetapi bergantung kepada apa-apa sekatan-sekatan yang ada dalam hak milik tanah tersebut.

Kalau itu berlaku, ertinya di situ kita ada kelalaian untuk kita membuat *due diligence at that stage*. Ini kerana mungkin JKPTG tidak *se-detailed* berbanding dengan PPTG WPKL – apa namanya ya? Wilayah Persekutuan punya. Sebab, itu tanah bawah Wilayah Persekutuan, maka Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan adalah lebih *detailed* maklumatnya manakala JKPTG ini mungkin dia memberikan satu kelulusan dasar. *You can construct, you can have your project if there are no other encumbrances*. Contohnyalah, ya *kut* begitu. Sebab, *we are not privy to the letter*. Jadi, apakah kedudukan sebenarnya yang MAIWP boleh perjelaskan dalam hal ini?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya dimaklumkan bahawa prosedur biasa untuk permohonan bagi mendirikan ataupun melaksanakan projek-projek pembangunan di tanah pajakan, kita kena melalui KPTG. Begitu juga kita dah dapat kelulusan pada tahun 2011. Pelantikan perunding

itu selepas kita dapat kelulusan daripada KPTG. Cuma, apabila kita hendak daftarkan...

Tuan Pengerusi: Cuma Tuan Nizam, kelulusan pada tahun 2011 itu fasal apa? Kelulusan untuk pembangunan atau bagaimana?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Kelulusan untuk pembangunan, untuk kita mendirikan projek dewan serba guna di tanah di belakang Masjid Wilayah Persekutuan. Itu tahun 2011; kita dapatkan kelulusan KPTG. Prosedur bagi mendapatkan kelulusan bagi pembangunan projek-projek di tanah kerajaan memang melalui KPTG dan kemudian selepas dapat kelulusan itu barulah kita lantik perunding. Kita bukan lantik perunding dahulu baru kita dapatkan kelulusan.

Cuma, apabila kita hendak mohon pendaftaran tanah, prosedurnya kena melalui Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, bukan melalui KPTG. So, di situ baru kita dimaklumkan ada kaveat. Seperti mana yang saya maklumkan tadi, Tuan Pengerusi, apabila kita maklum pada tahun 2013 bahawa tanah itu ada kaveat, kita terus mengambil tindakan-tindakan perlu tanpa kelewatan yang munasabah, kita bawa ke dalam mesyuarat Majlis untuk dapatkan kelulusan bagi kita menangguhkan projek tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey, Tuan Nizam, *I think* semasa prosiding pun kita ada cuba untuk membezakan apakah kelulusan yang diberikan. Tadi Tuan Nizam ada kata kelulusan diberikan adalah untuk pembangunan. So, itu memang tidak ada masalah. Jika pembangunan itu mematuhi kriteria-kriteria ataupun peraturan yang digariskan oleh pihak berkuasa tempatan, sememangnya kelulusan akan diberikan. Masalah sekarang adalah berkenaan dengan pendaftaran pajakan. Pendaftaran pajakan tidak dapat dibuat sekiranya ada kaveat. *So, these are two things.*

Saya hendak petik sedikit penjelasan daripada Pengerusi MAIWP, Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Daud pada prosiding 21 September. Beliau memaklumkan pada 1 November 2011, kelulusan daripada JKPTG bagi pajakan sebahagian tanah telah pun diberikan kepada MAIWP untuk projek pembinaan kompleks dewan serba guna. Berdasarkan kelulusan tersebut, MAIWP telah melantik perunding, dan permohonan pendaftaran pajakan tanah telah dibuat oleh MAIWP pada 16 April 2013 tetapi telah pun ditolak oleh PPTG Wilayah Persekutuan kerana terdapat kaveat persendirian yang dimasuki oleh Semantan Estate pada tahun 2013.

Selepas itu, ada beberapa suratlah daripada JKPTG. JKPTG melalui suratnya pada 19 Oktober 2015 menyatakan bahawa kaveat persendirian hanya menghalang pendaftaran tetapi tidak menghalang pembangunan. *So, itu key point dia.* So, sekiranya kelulusan diberikan untuk pembangunan, bangun sahajalah. Akan tetapi, sekiranya kita tahu bahawa tanah itu kita tidak boleh memiliki tanah itu

ataupun pajakan tersebut kerana ada masalah kaveat yang menyebabkan tanah tersebut tidak boleh didaftarkan di bawah MAIWP, maka tidak wajarlah bagi pihak MAIWP untuk meneruskan.

*So, the key point here is unsur kecuaian yang mana kita mendapati semasa projek dimulakan sekitar tahun 2011 atau 2012 dan perunding dilantik yang mana pada akhirnya memakan kos RM4 juta lebih. Pada poin itu, pegawai MAIWP yang bertanggungjawab tidak membuat — saya tidak payah menggunakan perkataan *due diligence* tetapi — telah cuai kerana tidak membuat satu carian tanah yang *simple* yang mana boleh diperoleh di PPTG KL dengan pembelian carian tanah itu *is either – less than RM100* pun boleh beli. So, that was not done. So, itu merupakan inti pati dan juga *the gist of the matter from the PAC*.*

Saya harap Tuan Nizam boleh faham masalah yang kita hadapi sekarang iaitu berkenaan dengan kecuaian. *We cannot say there was no kecuaian. Definitely there were kecuaian. Tahun 2012, you hendak proceed dengan projek itu tetapi padahalnya tidak buat *land search*, tidak tahu ada satu kaveat pendaftar, tidak tahu bahawa tanah pajakan itu tidak boleh didaftarkan. So, the negligence part was there.*

So, soalan saya tadi mula-mula, sama ada Jawatankuasa Siasatan Dalaman pernah menyiasat isu ini dari segi kecuaian? So, soalan saya, sama ada Jawatankuasa Siasatan Dalaman ada menyiasat perkara ini daripada segi unsur kecuaian?

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Ya. Tuan Pengerusi, mungkin dari segi skop yang telah ditetapkan dalam Jawatankuasa Siasatan Dalaman sendirilah yang mungkin kita lihat balik dia punya skop asal, kemungkinan tidak ada ataupun tidak tertulis secara detil tentang carian yang dibangkitkan oleh Tuan Pengerusi sendirilah. Saya tidak pasti itu. Kena semak balik daripada segi laporan terkini yang telah kita peroleh hari itu.

Tuan Pengerusi: Bolehkah pihak saksi memaklumkan kepada PAC selepas ini? So, sama ada siasatan itu meliputi siasatan atas unsur kecuaian? Jika tidak, pihak PAC meminta supaya Jawatankuasa Siasatan melaksanakan siasatan lanjut *on this angle* dari segi kecuaian. *Because* seperti saya kata tadi, mungkin daripada segi tatacara prosedur semua ikut, yes. Akan tetapi, daripada segi kecuaian.

■1150

*I am not talking about any criminal element over here, no. I am talking about the negligence part of it. Okey? Kita hendak memastikan pegawai-pegawai kita semua apabila melaksanakan kerja, kesemua mereka adalah lebih *alert* untuk memastikan kepentingan agensi kita terjamin. So, that is the purpose of us sitting here. Okay, thank you.*

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Baik, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jika tidak ada dalam isu ini, saya minta Tuan Nizam untuk sambung.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Yang Berhormat Parit, sila.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria: Sedikit sahaja. Saya pun bersetuju apa yang disebut oleh Tuan Pengerusi tentang supaya tidak berlaku kecuaian dan sebagainya. Akan tetapi, pada masa yang sama, atas nama sebagai penjawat awam, sudah pasti kita perlu juga berlaku adil. Jadi, saya tengok dari segi JKSD ini, dari segi apabila bawa kepada tindakan tatatertib, ada beberapa proses yang perlu dilihat secara teliti. Saya rasa mungkin mengambil masa juga. Saya tidak tahu apakah di peringkat tindakan tatatertib dalaman ada pula proses-proses rayuan yang mungkin kata orang memberikan bentuk-bentuk keadilan, walaupun kita tahu kita hendak supaya tidak berlakulah perkara-perkara yang bersifat cuai dalam berbuat sesuatu. Terima kasih.

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Yang Berhormat, untuk saya jawab atau JPA jawab? [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Either one. JPA? Puan Noor Aini.

Puan Noor Aini binti Ahmad: Ia ada dua ya, Yang Berhormat. Kalau kita tuduh dia hingga kepada buang kerja atau turun pangkat, ia akan ditentukan oleh SPA. Kalau dikeluarkan surat pertuduhan di peringkat SPA, maksudnya tiada rayuan lagi di pihak JPA, SPA. Maknanya, kalau dia hendak rayu, dia kena buat semakan kehakiman. Akan tetapi, kalau dituduh di Lembaga Tatatertib di peringkat KSN, maksudnya dia ada lagi rayuan di peringkat SPA. Itu sahaja. Kalau dituduh di peringkat SPA, maksudnya dia punya kesalahan itu sehingga boleh membuatkan dia dibuang kerja atau diturunkan pangkat, dia tidak ada ruang untuk merayu di peringkat JPA, SPA. Dia cuma boleh merayu di peringkat kehakiman, semakan kehakiman.

Tuan Pengerusi: Okey, jelas ya? Okey, terima kasih. Tuan Nizam boleh sambung.

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Bagi syor yang ketiga Tuan Pengerusi, MAIWP perlu menyelesaikan penstrukturkan semula Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. dengan kadar segera untuk memastikan Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. dapat melangsaihan hutang dalam jangka masa pendek dan mampu berfungsi sebagai entiti yang mampan serta efisien bagi jangka masa panjang.

Mesyuarat Khas MAIWP Bil. 6/2021 yang bersidang pada 23 November 2021 telah memutuskan supaya kajian entiti wakaf yang terbaik dapat dilaksanakan bagi pengurusan wakaf di Wilayah-wilayah Persekutuan. Kajian secara dalaman ini bertujuan melihat keupayaan Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. sebagai sebuah entiti sama ada ditubuhkan sebagai CLBG atau gabungan fungsi di bawah Pusat

Pungutan Zakat MAIWP bagi menguruskan wakaf di Wilayah-wilayah Persekutuan. Kajian ini juga akan melibatkan penyelesaian terhadap tunggakan pinjaman oleh Pusat Zakat MAIWP Sdn. Bhd.

Hasil kajian ini nanti akan dibentangkan di Mesyuarat MAIWP yang dijadualkan pada 19 Mac 2022. Makna, dalam dua minggu lagi kami akan bentangkan *paper* kajian. Kita sudah *finalised*, tinggal sedikit lagi untuk kita bentangkan dalam Mesyuarat MAIWP bagi mendapatkan pandangan dan pertimbangan sama ada kita gabungkan pusat wakaf ini bersama Pusat Pungutan Zakat. Ini kerana Pusat Pungutan Zakat sudah punya *networking*, sudah punya *big data*-nya sendiri. Ataupun kita tubuhkan di bawah CLBG bagi membolehkan pembayar-pembayar wakaf di Wilayah Persekutuan ini boleh dapat *tax exemption* daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Seterusnya, saya sambung, Tuan Penggerusi. Syor keempat, SPRM hendaklah mempercepatkan siasatan terhadap isu perolehan pakaian seragam dan baju sukan tadika MAIWP seperti yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan PAC ini. MAIWP perlu memastikan proses perolehan pada masa depan adalah bebas daripada sebarang konflik kepentingan, termasuk isu pertindihan pembuat keputusan.

SPRM melalui Bahagian Siasatan berpandangan bahawa tiada siasatan lanjut terhadap isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM telah membuat pemeriksaan terhadap amalan sistem dan tatacara perolehan dan pelupusan stok pakaian seragam serta pakaian sukan tadika MAIWP berdasarkan surat SPRM bertarikh 6 Disember 2021.

Hasil pemeriksaan, SPRM mengesyorkan penambahbaikan supaya berikut:-

- (i) mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kewangan (MPK) MAIWP; dan
- (ii) membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi selaras inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.

MAIWP dengan mengambil kira syor-syor daripada SPRM dan dalam usaha meningkatkan tahap tadbir urus serta melaksanakan *due diligence* dalam setiap transaksi telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) MAIWP telah mengambil tindakan susulan dengan memperkemaskan prosedur perolehan sebagaimana yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kewangan MAIWP;
- (ii) MAIWP mengguna pakai pekeliling-pekeliling perolehan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk Badan Berkanun Persekutuan;

- (iii) MAIWP telah membuat keputusan bahawa pembekalan pakaian seragam, pakaian sukan dan apa-apa pembekalan yang melibatkan pembayaran oleh ibu bapa pelajar adalah diuruskan sepenuhnya oleh Koperasi Guru-guru Tadika Islam mulai tahun 2022; dan
- (iv) MAIWP telah pun memulakan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi pada September 2021.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ada ulasan daripada wakil SPRM tidak berkenaan dengan hasil siasatan?

Encik Zulhairy bin Zaidel [Pegawai Siasatan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Zulhairy daripada SPRM. Berhubung dengan isu inventori pakaian seragam dan juga pakaian sukan tadi, SPRM telah membuka kertas penyiasatan awal dan kes sekarang ini masih dalam tindakan siasatan. Itu di peringkat siasatan dan di peringkat pemeriksaan...

Tuan Pengerusi: Encik Zulhairy, saya hendak tanya. Tetapi sini kata SPRM melalui Bahagian Siasatan berpandangan tiada siasatan lanjut. Kenapakah ia ada percanggahan antara status yang kita ada?

Encik Zulhairy bin Zaidel: Oleh sebab yang ini berdasarkan status yang saya semak semalam, Yang Berhormat. Mereka memang ada buka kertas penyiasatan awal.

Tuan Pengerusi: So, sebelum Encik Zulhairy sambung, boleh tidak saya check dengan pihak MAIWP? Nampaknya ada percanggahan. Sini kata tiada siasatan lanjut. *I was about to ask whether the officer can wear so many hats and at the end of the day, they got off from this siasatan?* So, di manakah status ini diperoleh oleh pihak MAIWP?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Kita hanya berdasarkan surat yang bertarikh pada 6 Disember 2021 yang menyatakan bahawa Bahagian Siasatan telah serahkan kepada Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM. So, kita beranggapan bahawa tidak ada siasatan lanjut yang akan dilaksanakan. Cuma, Bahagian Pemeriksaan telah pun melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan telah pun datang ke MAIWP untuk membuat pemeriksaan dan mencadangkan syor-syor penambahbaikan terhadap amalan dan tatacara perolehan.

Tuan Pengerusi: *I think* dalam konteks ini, MAIWP perlu memperbetulkan slaid dan maklum balas kepada pihak PAC. *I think* MAIWP lebih sesuai dan patut untuk menyatakan bahawa melalui surat ini, Bahagian Siasatan telah serah kepada Bahagian Pemeriksaan dan sebagainya. So, *that does not mean* tiada siasatan lanjutlah. Sila ambil maklum.

Pihak SPRM, ada apa-apa ulasan lanjut tidak?

Encik Zulhairy bin Zaide: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk siasatan itu, seperti yang saya maklumkan tadi, kes masih dalam tindakan siasatan. Manakala untuk Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, kita telah selesai menjalankan pemeriksaan yang mana kita telah menyerahkan surat nasihat kepada MAIWP untuk tindakan ataupun syor penambahbaikan.

■1200

Tuan Pengerusi: Oh, maksudnya siasatan — *I mean*, tindakan daripada SPRM adalah dilaksanakan secara selari antara Bahagian Siasatan dengan Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan?

Encik Zulhairy bin Zaide: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Daripada segi Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, ia telah pun selesai dan telah pun memberikan syor. Akan tetapi bagi Bahagian Siasatan, masih dalam siasatanlah?

Encik Zulhairy bin Zaide: Dalam tindakan siasatan. Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa *timeline* ataupun tarikh yang kita boleh *target* untuk supaya ada status yang selanjutnya? *Any arrests?* Ada tangkapan tak?

Encik Zulhairy bin Zaide: Masalah ini sebab ia masih dalam siasatan, Yang Berhormat. Nanti saya akan rujuk balik kepada Bahagian Siasatan untuk status terkini. Akan tetapi setakat status semalam, masih dalam tindakan siasatanlah.

Tuan Pengerusi: Okey. Berikan *update* kepada pihak PAC.

Encik Zulhairy bin Zaide: Baik, Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ertinya siasatan masih — bila siasatan awal ini bermula? Tarikh bermulanya?

Encik Zulhairy bin Zaide: Kalau ikut rekod, kertas penyiasatan awal ini dibuka pada 22 Jun 2021.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jun ya?

Encik Zulhairy bin Zaide: Jun 2021.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Diserahkan kepada — apa satu lagi itu? Bahagian Pemeriksaan?

Encik Zulhairy bin Zaide: Sebab dalam kes ini, kita biasanya Bahagian Siasatan dan juga Bahagian Pemeriksaan biasa tindakannya selari sebab berdasarkan isu ini adalah isu daripada LKAN.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ia bukan ertinya *stop here*, sambung itu? Bukan ya?

Encik Zulhairy bin Zaidel: Tidak, tidak.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ia serentak.

Encik Zulhairy bin Zaidel: Tidak. Cuma, ia serentak. Maksudnya siasatan melihat daripada segi elemen rasuah (*corruption*) dan Bahagian Pemeriksaan melihat daripada segi elemen amalan, sistem dan juga tatacara kerja.

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa soalan lagi daripada Ahli-ahli sekalian? So, bagi MAIWP, pembentangan telah pun selesai ya, Tuan Nizam?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. So, any questions? Ada mana-mana ex-officio nak tambah apa-apa berkenaan dengan laporan tindakan susulan pada pagi ini? Ya, sila Yang Berhormat Naib Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya nak tanya sahaja. Apa jadi dengan pakaian-pakaian yang begitu banyak itu ya? Pakaian seragam dan juga sukan itu. Apa jadi ya?

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Dilupuskan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Tak ada disedekahkan kepada mana-mana orang yang benar-benar memerlukan? Asnaf ya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini sebagai nak tahu lah apa namanya – *missed opportunity* itulah. Apabila Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan mengatakan tak boleh buat pembangunan pada tahun 2013, konsultan masih meneruskan kerja dia. Ertinya, *they worked separately*. Dia tidak mengambil kira bahawa projek *cannot be built* dan pembayaran dibuat sampai tahun 2017. Ini bererti ada empat tahun antara tarikh dia kata projek *cannot proceed* dengan kerja-kerja konsultan diteruskan.

Soalan saya; kalau MAIWP bertindak pada tarikh surat Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dengan mengambil kira bahawa tidak ada projek patut dibangunkan, *what kind of savings can we make* dengan menyeferakan pemberhentian konsultasi syarikat berkenaan? Ada penjimatan atau tidak? Ataupun dapat kita kurangkan daripada RM4.7 million yang kita bayar kepada konsultan tersebut *if we had acted as early as when the letter came from Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan*.

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Yang Berhormat, mungkin saya beri ulasan awal. Saya tidak nafikan kemungkinan besar akan ada penjimatan sekiranya proses tersebut *immediately done*. Akan tetapi, saya tak pasti, mungkin Tuan Haji Nizam boleh bantu saya nanti. Kemungkinan ambil sedikit masa proses untuk dibentangkan

semula kepada pihak Lembaga Pengarah MAIWP untuk memutuskan untuk penangguhan tersebut. Selepas *table* tersebut, barulah dimaklumkan kepada konsultan untuk tangguhkan dulu. Mungkin sekiranya betul, saya tidak nafikan tadi. Sekiranya tarikh yang sama dimaklumkan terus kepada pihak konsultan, ada penjimatan. Akan tetapi, mungkin daripada segi prosesnya, kita perlu membawa supaya Lembaga untuk bersidang untuk memaklumkan perkara yang sebenar dan apa keputusan yang dibuat akan datang dan yang diputuskan oleh Lembaga. Itu mungkin— Encik Nizam hendak tambah? Atau Datuk Mohd Ajib? Datuk?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Terima kasih, Datuk Seri. Untuk kelewatan ini, seperti mana telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kelewatan ini selepas kita dapati pada tahun 2013, permohonan kita bagi mendaftarkan tanah tersebut ditolak disebabkan oleh ada kaveat. Akan tetapi, pada tahun 2016, baru kita dapat keputusan Mesyuarat MAIWP bagi menangguhkan projek tersebut.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang kita telah maklumkan sebelum ini, perbincangan dengan KPTG masih lagi berjalan dan KPTG membenarkan projek itu dibangunkan. Cuma, tak boleh didaftarkan. Selepas daripada itu, beberapa siri perbincangan, baru kita bawa masuk dalam Mesyuarat MAIWP untuk dapatkan kelulusan pada peringkat tersebut bagi kita menangguhkan proses pembangunan projek tersebut.

Walau bagaimanapun, pembayaran-pembayaran yang kita bayar itu tidak ada pembayaran yang sebagai tambahan kepada projek pembangunan. Cuma, kita bayar apa yang telah dilaksanakan seperti mana keputusan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bahawa pembayaran-pembayaran itu setakat kerja yang telah dilaksanakan. Kita tidak meneruskan lagi projek tersebut setelah kita mendapat keputusan mesyuarat majlis untuk menangguhkan projek.

Tuan Pengerusi: Okey. Tuan Nizam, lanjutan daripada soalan daripada Yang Berhormat Naib Pengerusi tadi berkenaan dengan di mana perginya baju-baju semua, bukan? So, tadi kata dilupuskan. Maksud dilupuskan di sini memang buang atau dilupuskan kepada tengoklah siapa, mana-mana budak sekolah yang memerlukan, *just* bagi sahaja. So, *what actually happened?* Sebab, *it cannot be just* buang, bukan?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, untuk makluman, baju tersebut yang kita telah beli sebanyak 30,000 pasang itu perolehannya itu bernilai RM2.39 juta. Sebahagian daripada perolehan tersebut kita telah jual kepada ibu bapa pelajar-pelajar tersebut dengan kadar sepasang RM32. Perolehan sepasang adalah bernilai RM28, tetapi kita jual kepada ibu bapa, penjaga kepada pelajar-pelajar tadika sebanyak RM32 sepasang.

Lebih daripada itu, kita terpaksa buat pelupusan kerana pembekalan yang terlalu banyak. Yang menjadi isu kepada PAC ini, pembekalan yang terlalu banyak daripada yang sepatutnya. So, dia menjadi lambakan dan akhirnya dengan saiz, dengan dia punya material tak berapa nak sesuai dan sebagainya, akhirnya sebahagian itu tak dapat dijual dan berlaku kerosakan dan kita terpaksa buat pelupusan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM800,000 lebih.

Tuan Pengerusi: Pelupusan *itself* sebanyak RM800,000?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Bermakna kalau kita — RM857,000. Ataupun kalau dalam bentuk *percentage*, 35 peratus daripada pembekalan yang kita lupuskan. *The rest* memang terjual.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, Yang Berhormat Sibuti.

■1210

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Perkara ini memang kita sudah bangkit dalam prosiding yang lepas, berkenaan tentang pembaziran dan juga lambakan. Saya mendapati daripada syor yang telah diberikan, bahawa pembekalan pakaian seragam dan sukan juga lewat dibuat. Namun, tiada penguatkuasaan kontrak dikenakan kepada pembekal. Kebiasaannya, baju yang dibekalkan sekurang-kurangnya berkualiti. Kalau dalam tempoh dua, tiga tahun sudah rosak, bermaksud pembekal yang membekalkan pakaian seragam ini juga tidak memberi satu perkhidmatan yang baik.

Mengapakah tiada penguatkuasaan ataupun tindakan kepada pembekal? Adakah wujud satu elemen tempahan pakaian seragam ini, penempah mendapat komisen daripada kontraktor yang membekal? Adakah perkara ini wujud dan adakah pihak SPRM ada menyemak berkenaan perkara ini?

Encik Mohd Nizam bin Yahya: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Untuk menjawab, memang kita sedar tentang kelewatan dan juga kerosakan baju-baju yang dibekalkan itu. Perkara ini telah pun dibawa dalam Jawatankuasa Siasatan Dalaman. Memang prosiding berjalan seperti yang kita maklumkan tadi. Sekarang ini kita telah pun menghantar kepada JPA untuk tindakan lanjut. Cuma, mungkin tidak sampai lagi ataupun ia jalan *jammed* dan sebagainya. Akan tetapi, memang sudah hantar laporan itu kepada pihak JPA untuk tindakan lanjut terhadap pegawai bagi isu pembelian inventori baju tadika dan baju seragam sekolah.

Datuk Seri Jamil bin Rakon: Yang Berhormat, tambahan kepada jawapan itu. Mungkin pihak SPRM sendiri memaklumkan tadi siasatan sedang dijalankan. Saya rasa mungkin pihak SPRM yang boleh memberikan komen perkara itulah.

Tuan Pengerusi: Ada komen daripada SPRM berkenaan dengan isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti?

Encik Zulhairy bin Zaidel: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti mana yang saya jelaskan tadi, sebab siasatan masih lagi dalam siasatan, Yang Berhormat. So, saya tidak boleh komen apa-apalah di sini. Maksudnya, siasatan masih dijalankan. Itu sahaja saya dapat maklumkan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Okey, ada persoalan lanjut daripada Ahli-ahli PAC sekalian? Okey, tidak ada ya? So, *ex-officio* pun tidak ada? Jika tidak ada, maka selesailah prosiding untuk laporan tindakan susulan pada pagi ini.

Bagi pihak PAC, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berusaha Puan Anis, Yang Berbahagia Datuk Jamil dan juga saksi-saksi yang hadir pada pagi ini yang telah pun memberikan satu laporan kepada kita berkenaan dengan tindakan susulan. Akan tetapi, bagi saya, cuma saya hendak ingatkan pihak saksi untuk sediakan — tadi saya ada minta sedikit maklumat lanjutan daripada pihak saksi. So, sila sediakan dan hantar kepada pihak Sekretariat.

Kepada Ahli-ahli PAC semua, terima kasih kerana hadir pada pagi ini. Kepada semua *ex-officio*, ahli-ahli Sekretariat, kita akan jumpa lagi dalam prosiding kita pada hari Isnin hadapan. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.13 tengah hari]